

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat mengkaji keperluan dan meluluskan pembinaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di Belawai dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan telah menetapkan sasaran bahawa sekurang-kurangnya sebuah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) akan dibangunkan di setiap kawasan Parlimen termasuklah di Parlimen Tanjung Manis. Walau bagaimanapun, pembangunan KR1M di sesebuah kawasan Parlimen tersebut adalah bergantung kepada kesesuaian lokasi cadangan dari aspek kepadatan penduduk, saiz dan potensi terhadap perniagaan.

Bagi Parlimen Tanjung Manis, pihak Kementerian telah mengadakan beberapa siri lawatan termasuk di Belawai namun lokasi yang sesuai masih belum dikenalpasti. Ini kerana, Belawai merupakan sebuah kawasan perkampungan tanpa ada premis perniagaan yang khusus. Sungguhpun demikian, sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan lokasi yang sesuai, Kementerian akan mengadakan lawatan dan mengkaji kesesuaian lokasi serta kaedah yang lebih sesuai supaya pembangunan KR1M di Parlimen Tanjung Manis dapat direalisasikan.